



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PAKAIAN PETUGAS PEPERIKSAAN DAN CALON PEPERIKSAAN
SEMESTER 3 DAN ULANGAN SEMESTER 2
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2023, DAN UJIAN
MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET) SESI 1 TAHUN 2024
SEMASA MENGHADAPI CUACA PANAS**

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) memaklumkan bahawa selaras dengan Kenyataan Media Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tentang Institusi Pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Diminta Memastikan Penjagaan Kebajikan, Kesihatan, dan Keselamatan Seluruh Warga Semasa Menghadapi Cuaca Panas yang dikeluarkan pada 19 Mac 2024, maka semua petugas peperiksaan dan calon peperiksaan kelolaan MPM yang berikut diberikan kelonggaran untuk memakai pakaian sukan yang sopan semasa cuaca panas berdasarkan keperluan dan situasi masing-masing.

Bil.	Peperiksaan/Ujian	Tarikh
(a)	Semester 3 STPM 2023	25, 26, 27, Mac dan 1, 2, 3 April 2024
(b)	Ulangan Semester 2 STPM 2023	16, 17, 18, 22, dan 23 April 2024
(c)	MUET Sesi 1 Tahun 2024	29, 30 April, dan 6, 7, 8, 9 Mei 2024 (<i>Speaking</i>) dan 27 April 2024 (<i>Reading, Writing, dan Listening</i>)

MPM mengambil berat kesihatan, keselamatan, dan kesejahteraan seluruh petugas peperiksaan dan calon peperiksaan yang terlibat.

-TAMAT-